

B572

MAHATHIR - GULUNG R'R'R'

1982

KUALA LUMPUR, 12 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN BELIAU TIDAK PERNAH DAN TIDAK AKAN MENGAMALKAN SIKAP PILIH KASIH DALAM PEMILIHAN CALON UMNO SAMA ADA UNTUK JAWATAN DALAM PARTI ATAU SEBAGAI WAKIL RAKYAT.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO MENEGASKAN SIKAP TIDAK MEMILIH KASIH INI AKAN TERUS DIAMALKAN DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU BERKATA CARA PEMILIHAN YANG DIBUAT SECARA PERUNDINGAN DI ANTARA MAJLIS TERTINGGI PARTI DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN AKAN DITERUSKAN.

BELIAU MENJAWAB HUJAH-HUJAH YANG DIBANGKITKAN SEMASA PERBAHASAN KE ATAS UCAPAN DASARNYA DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-33 YANG BERAKHIR DI SINI HARI INI.

"DALAM SOAL PEMILIHAN KASIH INI, TUHAN TAHU APA YANG TELAH SAYA LAKUKAN DAN KALAU NAK BERSUMPAH DENGAN QURAN DI MASJIDPUN, SAYA SANGGUP," TAMBAH BELIAU DENGAN SAMBUTAN TEPUNAN BERGEMURUH OLEH PARA PERWAKILAN. -- LAGI 1435/MK

MAHATHIR - GULUNG 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN KERANA TIDAK MAHU. DITUDUH PILIH KASIH LAH BELIAU MELARANG ISTERINYA BERTANDING DALAM PEMILIHAN PUCUK PIKPINAN PERGERAKAN WANITA YANG BARU BERLANGSUNG.

"SAYA MEMBERITAHUNYA, KALAU NAK BERCAMPUR DENGAN POLITIK WANITA PERGILAH, TETAPI TAK USAHLAH BERTANDING NANTI RAMAI PULA ORANG YANG BERKATA MENTANG-MENTANG SUAMINYA PRESIDEN UMNO, KITA ORANG NAK BOLOT SENUA."

BAGAIMANAPUN, TEGAS BELIAU, JIKA ADA DI ANTARA ANGGOTA KELUARGANYA YANG LAYAK, ADALAH TIDAK ADIL UNTUK MENGENEPIKAN HAK MEREKA MENJADI CALON SENATA-MATA KERANA HUBUNGAN KEKELUARGAAN.

BELIAU MEMBUAT PENJELASAN ITU SEBAGAI MENGULAS TUDUHAN SEORANG PERWAKILAN KONONNYA BELIAU PILIH KASIH DAN TIDAK MENGADAKAN SEBARANG RUNDINGAN DENGAN BAHAGIAN-BAHAGIAN SEMASA MEMILIH CALON UNTUK BERTANDING DALAM PILIHANRAYA UMUM APRIL LALU.

"TANYALAH DATUK HARUN BAGAIMANA SUBAHNYA SAYA NAK MEMILIH CALON UNTUK NEGERI SELANGOR. SAYA CUMA TAHU ORANG YANG DIPILIH ADA SEDIKIT HUBUNGAN DENGAN SAYA SETELAH BELIAU YANG BERKENAAN DIPILIH," TAMBAHNYA SEBAGAI MENGULAS PERLANTIKAN ADIK IPARNYA DATUK HAJI AHMAD RAZALI SEBAGAI MENTERI BESAR SELANGOR. -- LAGI 1440/MB

2/5

"YANG SEBENARNYA ORANG YANG BERKENAAN BUKAN DARI KELUARGA SAYA TETAPI ISTERI SAYA DAN SAYA PUN TIDAK BERAPA TAHU SANGAT DIA ORANG ITU RAMAI ADIK-BERADIK," TAMBAHNYA.

BELIAU MEMINTA PARA ANGGOTA PARTI CUBA MEMPERTAHANKAN PUCUK PIMPINAN YANG ADA KERANA KEDUDUKAN MEREKA ADALAH SEMENTARA SAHAJA DAN BUKAN MEMEGANG JAWATAN SAMPAI MATI.

"JIKA AHLI-AHLI MEMIKIRKAN ADA AHLI MAJLIS TERTINGGI YANG TIDAK LAYAK, KITA BOLEH MEMBUANG MEREKA DALAM PEMILIHAN PADA TAHUN 1984," KATANYA.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMINTA AHLI-AHLI UMNO MEMBERIKAN KEPERCAYAAN KEPADA PUCUK PIMPINAN YANG ADA SEKARANG.

"ITU SAHAJA YANG SAYA MINTA KERANA BAGAIMANA HENDAK MENERUSKAN PERJUANGAN JIKA AHLI PARTI TIDAK MEMBERIKAN KEPERCAYAAN DAN MENIMBULKAN BERBAGAI-BAGAI SYAK-WASANGKA TERHADAP KEPIMPINAN MEREKA." -- BERNAMA 1440 MK

LEAD -- MAHATHIR GULUNG R'R'8'

KUALA LUMPUR, 12 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA SEMUA ANGGOTA UMNO MEMBERIKAN KEPERCAYAAN KEPADA PUCUK PIMPINAN YANG ADA SEKARANG YANG MEREKA SENDIRI TELAH MEMILIH UNTUK KEMIMPIN PARTI DAN KERAJAAN.

PERDANA MENTERI YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA KEDUDUKAN PEMIMPIN PERLU DIPERTAHANKAN BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MENIKUL AMANAH YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN.

KEDUDUKAN PEMIMPIN HANYALAH SEMENTARA SAHAJA DAN MEREKA MEMEGANG JAWATAN BUKAN SAMPAI MATI, TEGASNYA SEMASA MENGGULUNG

HUJAH-HUJAH YANG DIBANGKITKAN SENASA PERBAHASAN KE ATAS UCAPAN DASARNYA DALAM PERHIMPUNAN AGUNG KE-33 UMNO DI SINI.

'ITULAH SAHAJA YANG SAYA NINTA KERANA BAGAIMANA HENDAK MENERUSKAN PERJUANGAN JIKA AHLI-AHLI PARTI TIDAK MEMBERIKAN KEPERCAYAAN BAHKAN MENIMBULKAN PULA BERBAGAI SYAK-WASANGKA TERHADAP PEMIMPIN MEREKA.' -- LAGI 1319/MK

B593

LEAD - MAHATHIR GULUNG 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

'JIKA AHLI-AHLI MEMIKIRKAN AHLI-AHLI MAJLIS TERTINGGI YANG TIDAK LAYAK, KITA BOLEH MEMBUANG MEREKA DALAM PEMILIHAN PADA TAHUN 1984.' TAMBAH BELIAU DISAMBUUT DENGAN GELAK KETAWA PARA PERWAKILAN.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MANA-MANA PEMIMPIN YANG TIDAK MENDAPAT KEPERCAYAAN AHLI-AHLI, HARUSLAH BERSEDIA MENGUNDURKAN DIRI SECARA TERHORMAT TANPA DIPAKSA.

BELIAU SENDIRI RELA BERBUAT DEMIKIAN APABILA TIDAK LAGI DIKEHENDAKI. -- LAGI 1330/MK

LEAD - MAHATHIR - GULUNG 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

PERDANA MENTERI BERKATA TAKRIF TUA SAHAJA TIDAK HARUS MENJADI UKURAN UNTUK MELETAKKAN JAWATAN TETAPI YANG PATUT MENJADI PERTIMBANGAN JALAH SAMA ADA SESEORANG PEMIMPIN ITU MABIH LAGI DAPAT MEMBERIKAN KEPIMPINAN YANG BERKESAN.

+JIKALAU SUDAH ADA TANDA-TANDA YANG MENUNJUKKAN PARA ANGGOTA TIDAK BERMINAT KEPADA KEPIMPINAN SESEORANG PEMIMPIN, IA MESTILAH BERSEDIA MENGUNDURKAN DIRI.+

+SAYA BERJANJI BILA SAYA SENDIRI SEDAR SAYA SUDAH TIDAK POPULAR LAGI, SAYA AKAN MENGUNDURKAN DIRI DAN AMALAN DEMIKIAN JUGA SAYA TUNTUT DARIPADA SEMUA WAKIL RAKYAT.+

BELIAU MENYANGKAL DAKWAAN KONONNYA APABILA SESEORANG ITU SUDAH TUA, IA TIDAK DIBENARKAN OLEH PUCUK PIMPINAN MENJADI CALON RAKYAT.

+SAYA MERUPAKAN PERDANA MENTERI YANG TERTUA SEKALI (BERUMUR 56 TAHUN) MEMEGANG JAWATAN DI NEGARA INI JIKA DIBANDINGKAN DENGAN SEMUA PERDANA MENTERI SEBELUM SAYA, TETAPI TIDAK MUNASABAH LAH SAYA DISURUH MELETAKKAN JAWATAN ITU SEKARANG.+-LAGI 1355/MK

B608

LEAD - MAHATHIR - GULUNG 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGGANGAP WAKIL RAKYAT YANG SUKARELA MELEPASKAN JAWATAN DALAM PILIHANRAYA LALU TETAPI MASIH MEMBERIKAN KERJASAMA KUAT KEPADA CALON BARU YANG BERTANDING, SEBAGAI NEGARAWAN YANG PATUT DIJUNJUNG TINGGI.

+SAYA HARAP WAKIL RAKYAT YANG ADA SEKARANG AKAN MENCONTOHI MEREKA DAN JANGANLAH PADA MASA SEKARANG MENGECEM PEMIMPIN LAMA YANG ENGGAN MELETAKKAN JAWATAN TETAPI APABILA TIBA MASA SAUDARA PULA, SAUDARA ENGGAN MEMATUHINYA.+

PENJELASAN ITU DIBUAT KERANA BEBERAPA ORANG PERWAKILAN TELAH MENDAKWA TERDAPAT PILIH KASIH DAN JUGA PEBUATAN TIDAK MEMATUHI PERLEMBAGAAN UMNO DALAM MEMILIH CALON PARTI BERTANDING DALAM PILIHANRAYA LALU. -- LAGI 1610/MB

B614

LEAD - MAHATHIR - GULUNG 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BELIAU TIDAK PERNAH DAN TIDAK AKAN MENGAMALKAN SIKAP PILIH KASIH DALAM PEMILIHAN CALON UMNO SAMA ADA UNTUK JAWATAN DALAM PARTI ATAU SEBAGAI WAKIL RAKYAT.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN SIKAP TIDAK MEMILIH KASIH INI AKAN TERUS DIAMALKAN DI MASA DEPAN.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU BERKATA CARA PEMILIHAN YANG DIBUAT SECARA PERUNDINGAN DI ANTARA MAJLIS TERTINGGI PARTI DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN AKAN DITERUSKAN.

+DALAM SOAL MEMILIH KASIH INI, TUHAN TAHU APA YANG TELAH SAYA LAKUKAN DAN KALAU NAK BERSUMPAH DENGAN GURAN DI MASJIDPUN, SAYA SAGGUP.+ TAMBAH BELIAU DENGAN SAMBUTAN TEPUKAN BERGEMURUH PARA PERWAKILAN. -- LAGI 1615/MB

B615

LEAD - MAHATHIR - GULUNG 6 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN KERANA TIDAK MAHU DITUDUH PILIH KASIH LAH BELIAU MELARANG ISTERINYA BERTANDING DALAM PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PERGERAKAN WANITA YANG BARU BERLANGSUNG.

+SAYA MEMBERITAHUNYA, KALAU NAK BERCAMPUR DENGAN POLITIK WANITA PERGILAH, TETAPI TAK USAHLAH BERTANDING NANTI RAMAI PULA ORANG YANG BERKATA MENTANG-MENTANG SUAMINYA PRESIDEN UMNO, KITA ORANG NAK BOLOT SEMUA.+

BAGAIMANAPUN, TEGAS BELIAU, JIKA ADA DI ANTARA ANGGOTA KELUARGANYA YANG LAYAK, ADALAH TIDAK ADIL UNTUK MENGENEPIKAN HAK MEREKA MENJADI CALON SEMATA-MATA KERANA HUBUNGAN KEKELUARGAAN.

BELIAU MEMBUAT PENJELASAN ITU SEBAGAI MENGULAS TUDUHAN SEORANG PERWAKILAN KONONYA BELIAU PILIH KASIH DAN TIDAK MENGADAKAN SEBARANG RUNDINGAN DENGAN BAHAGIAN-BAHAGIAN SEMASA MEMILIH CALON UNTUK BERTANDING DALAM PILIHANRAYA UMUM APRIL LALU.

+TANYALAH DATUK HARUN BAGAIMANA SUSAHNYA SAYA NAK MEMILIH CALON UNTUK NEGERI SELANGOR. SAYA CUMA TAHU ORANG YANG DIPILIH ADA BEDIKIT HUBUNGAN DENGAN SAYA SETELAH BELIAU YANG BERKENAAN DIPILIH.+ TAMBAHNYA SEBAGAI MENGULAS PERLANTIKAN ADIK IPARNYA DATUK HAJI AHMAD RAZALI SEBAGAI MENTERI BESAR SELANGOR. -- LAGI 1620/M8

LEAD - MAHATHIR GULUNG 7 KUALA LUMPUR

BELIAU MENJELASKAN PEMILIHAN CALON DALAM PILIHANRAYA LALU DIBUAT BERAGASKAN KEPADA PERLEMBAGAAN PARTI SUNGGUHPUN TIDAK ADA TAFSIRAN JELAS DALAM PERLEMBANGAAN ITU MENGENAI CARA RUNDINGAN YANG PERLU DIBUAT.

KATANYA, PERLEMBAGAAN TIDAK MENJELASKAN SAMA ADA SEBARANG RUNDINGAN UNTUK MEMILIH CALON YANG DITETAPKAN OLEH BAHAGIAN MESTI DITERIMA OLEH MAJLIS TERTINGGI.

+JIKA BEGITU, TIDAK PERLU ADA RUNDINGAN TETAPI BAHAGIAN SAHAJA MEMILIH CALON DAN DITERIMA SEBULATNYA OLEH MAJLIS TERTINGGI,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ADALAH SUKAR UNTUK MENYERAHKAN KEPADA BAHAGIAN SEMATA-MATA HAK MENENTUKAN CALON KERANA POLITIK BAHAGIAN SAMA KECOH DENGAN POLITIK NASIONAL.

+KEMPEN UNTUK MEMEGANG JAWATAN KETUA BAHAGIAN PUN AMAT DASYAT SEHINGGA ADA YANG BUKAN SAHAJA BERKEMPEN TETAPI MENGHULURKAN DUIT DAN BERBAGAI CARA LAIN.+

+INI SEMUA KAMI TAHU BERLAKU TETAPI MALANGNYA PARA PERWAKILAN BERANI MENEGUR SAYA DALAM PERHIMPUNAN AGUNG INI TETAPI TIDAK BERANI MENEGUR MEREKA YANG GAGAH DAN BERKUASA DI BAHAGIAN.+ TAMBAHNYA. -- LAGI 1629/MK

B617

LEAD - MAHATHIR GULUNG & KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KESUNTUKAN MASA DALAM PILIHANRAYA JUGA MENYEBABKAN PEMILIHAN CALON DIBUAT DENGAN CEPAT.

"KITA TIDAK HARUS MEMBERITAHU SELURUH DUNIA BAHAWA KITA HENDAK MENGADAKAN PILIHANRAYA SETAHUN SEBELUM ITU SEMATA-MATA UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA MAJLIS TERTINGGI MENEMUI 114 BAHAGIAN UNTUK BERUNDING DAN JUGA MENJALANKAN KEMPEN-KEMPEN," KATANYA.

"SEMUA AHLI UMNO PERLU TAHU DALAM MENGHADAPI PILIHANRAYA, KEPUTUSAN MENETAPKAN TARIKHNYA DIBUAT SECARA MENGEJUTKAN UNTUK MENGELAKKAN PARTI LAWAN MENYUSUN STRATEGI PILIHANRAYA MASING-MASING."

BAGAIMANAPUN, SEBELUM PEMILIHAN CALON DIBUAT BEBERAPA PEMIMPIN TERMASUK TIMBALAN PRESIDEN DAN NAIB-NAIB PRESIDEN DITUGASKAN UNTUK MELAWAT NEGERI-NEGERI MENGENAI PENETAPAN CALON.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA SETIAP SENARAI CALON MEMPUNYAI DUA-TIGA NAMA DAN TIDAK BERMAKNA YANG PERTAMA DISENARAIKAN SAHAJA DIPILIH ATAU MEREKA YANG LUAR DARIPADA SENARAI TIDAK DIPERTIMBANGKAN. -- ~~LAGI~~ 1632/MK